

PERLANJUTAN
TENDER RFP

1. Mengemukakan pelan cadangan (*Request For Proposal - RFP*) adalah dipelawa daripada Pencadang/ Syarikat/Pertubuhan yang berdaftar di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh warganegara Malaysia. Mempunyai pengalaman berkaitan untuk menyertai tender seperti berikut:-

PERKARA	KELAYAKAN
CADANGAN MERANCANG, MEMBINA, MENGURUS DAN MENYELENGGARA SEBUAH KOMPLEKS RENANG (<i>OLYMPIC STANDARD</i>) DI ATAS LOT 10986, MUKIM 13, JALAN PAYA TERUBONG, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG MELALUI ' <i>BUILD-OPERATE-TRANSFER (B.O.T.) ARRANGEMENT</i> ' UNTUK MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG	Syarikat mesti berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ATAU pertubuhan berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) serta mempunyai modal berbayar (paid up capital) sekurang-kurangnya RM100,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Ribu Sahaja) semasa perjanjian dimeterai.
TARIKH TAKLIMAT : Rabu, 29 Januari 2014, Jam 10:00 pagi [Pendaftaran: 9:30 – 10:00 pagi] TEMPAT : Bilik Perdana, MPPP, Tingkat 4 KOMTAR, Pulau Pinang	
HARGA DOKUMEN : RM50.00 senaskah	
TARIKH TUTUP : 28 April 2014 (Isnin), Jam 12:00 tengahari	

2. Pencadang/ Syarikat diwajibkan menghadiri taklimat '*Request For Proposal (RFP)* sebelum membeli dokumen RFP dan membawa sijil **PENDAFTARAN ASAL SYARIKAT ATAU PERTUBUHAN** serta sesalinan untuk simpanan Majlis Perbandaran Pulau Pinang semasa taklimat diadakan. **Pencadang/Syarikat yang tidak menghadiri taklimat tidak layak mengambil bahagian dalam RFP ini.**
3. Syarikat perlu berdaftar dengan Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui laman web ep.penang.gov.my untuk menyertai RFP. Pembayaran untuk pembelian dokumen serta muat turun Dokumen RFP perlu dibuat secara 'on-line' selepas taklimat pada **29.01.2014 (Rabu)**. Harga dokumen adalah RM50.00 senaskah.
4. Dokumen meja boleh dilihat di Kaunter Urusetia Tender, Jabatan Korporat, Tingkat 17, KOMTAR, Pulau Pinang pada waktu pejabat. [9:00 pagi – 4:00 petang].
5. Dokumen RFP yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di bersebelahan Kaunter Penerangan, MPPP, Tingkat 3, KOMTAR, Pulau Pinang pada **28.04.2014 (Isnin)** sebelum jam **12.00 tengahari** pada tarikh tutup yang berkenaan. Pertimbangan tidak akan diberi kepada RFP yang lewat diterima.
6. Syarikat yang menyertai tender adalah dibenarkan untuk menyaksikan pembukaan tender pada tarikh dan masa tutup yang ditetapkan. Pengumuman harga hanya akan dibaca bagi tender yang bersesuaian sahaja tertakluk kepada kebenaran/justifikasi Jawatankuasa Pembuka Tender.
7. Syarikat yang menyertai tender diwajibkan melengkapkan Surat Akuan Pembida.
8. Salinan lesen pendaftaran syarikat atau pertubuhan, sijil professional atau kelayakan setaraf, disertakan dengan bukti bahawa syarikat/pertubuhan pencadang mempunyai kedudukan yang kukuh dan layak menyertai cadangan ini.
9. Pihak Majlis tidak terikat untuk menerima cadangan sepenuhnya atau sebahagian daripadanya atau memberi apa-apa sebab sesuatu cadangan itu di tolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan berhubung dengan RFP ini dan juga sebarang keputusan adalah muktamad.